

# **AUTORITI HADITH MURSAL: SATU PERBINCANGAN MENGENAI SIKAP IMAM AL-SHAFI'I**

Oleh  
Dr. Abdul Karim Ali\*

## **Abstract**

*This article endeavours to discuss al-Shafi'i's attitude towards Mursal hadith. As far as Mursal hadith is concerned, scholars have a different view about it whether it is a decisive proof (hujjah) or not in Islam. So, al-Shafi'i as a well known scholar in jurisprudence and hadith, we attempt to elaborate his own view on this issue as well as other scholars' view on his attitude towards Mursal hadith.*

## **DEFINISI HADITH MURSAL**

Secara umumnya, hadith dari segi rantaian *isnad* boleh dibahagikan kepada dua kategori; bersambung dan tidak bersambung (terputus). Hadith yang bersambung (*muttasil*) ialah hadith yang sanadnya bersambung, tidak putus daripada rantaian perawinya dari autoriti yang terakhir hinggalah sampai ke pangkal autoriti hadith tersebut, samada Nabi, Sahabat dan sebagainya.

Sebaliknya, hadith yang tidak bersambung (*ghair muttasil; munqati'*) ialah hadith yang sanadnya terputus, seperti seorang perawi meriwayatkan sebuah hadith secara langsung dari Nabi s.a.w tanpa menyebut autoriti perantaraan di antara mereka.

---

\*Pensyarah di Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Sebenarnya hadith *Mursal* termasuk dalam kategori hadith yang tidak bersambung.<sup>1</sup> Ia didefinisikan sebagai hadith yang mana seorang atau lebih perawinya digugurkan. Dengan lain perkataan, hadith *Mursal* dalam istilah *Muhaddithin* ialah hadith yang diriwayatkan oleh seorang Tabi'in secara langsung dari Nabi s.a.w tanpa menyebut nama Sahabat yang menjadi perantaraan di antara beliau dan Nabi s.a.w.<sup>2</sup>

Pengguguran nama Sahabat yang dilakukan oleh setengah Tabi'in mempunyai kesan yang besar terhadap kritikan hadith. Prinsip asas dalam penerimaan sesebuah hadith dari kaca mata *ahl al-Hadith* ialah perawi tersebut mestilah seorang yang adil. Dengan perkataan lain, apabila perawi sesebuah hadith diketahui, jadi kredibilitinya samada adil atau tidak boleh dinilai oleh ulama' pengkritik hadith. Sebaliknya, dari definisi di atas, hadith *Mursal* tidak mempunyai perawi perantaraan meyebabkan personaliti yang digugurkan itu tidak diketahui (*majhul*). Justeru itu, penerimaan hadith tersebut digantung buat sementara sebelum diterima atau ditolak sehingga dikenalpasti siapakah yang digugurkan itu.<sup>3</sup>

### KEAUTORITIAN HADITH AL-MURSAL

Setelah dibincangkan secara ringkas mengenai definisi *al-Mursal* yang digugurkan nama Sahabat, jadi adakah hadith *Mursal* dianggap sebagai satu dalil atau hujah dalam Islam. Tinjauan secara umum dari penulisan ulama' kita dapati setengah mereka menerima hadith *Mursal* sebagai hujah, manakala sebahagian lain menolaknya.

Pendapat ulama' berkenaan perkara di atas boleh dibahagikan kepada tiga kategori.<sup>4</sup>

- a) Hadith *Mursal* dianggap sejenis hadith yang sangat lemah (*da'if mutlaqan*) dan ia tidak boleh dijadikan hujah. Pandangan ini

---

<sup>1</sup>Kebanyakan Fuqaha', ulama' Usul dan Ahl al-Hadith mendefinisikan hadith *Mursal* sebagai hadith yang mana sanadnya terputus atau tidak bersambung pada mana-mana peringkat perawi. Lihat al-Nawawi, *Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawi*. 1987. Vol. I, Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi, ms. 30.

<sup>2</sup>Ibn Hazm, *al-Ihkam fi Usul al-Ahkam*. 1927. Kaherah, vol. II, ms. 2.

<sup>3</sup>Ibn Hazm, *op.cit.* ms. 2

<sup>4</sup>Ibn Hazm, *op.cit.* ms. 2-6.

dikemukakan oleh kebanyakan *ahl al-hadith*, para fuqaha' dan juga al-Khatib al-Baghdadi,<sup>5</sup> al-Nawawi, Ibn Hazm<sup>6</sup> dan lain-lain.

b) Hadith *Mursal* boleh diterima dan boleh dijadikan hujah dalam perundangan selama mana perawi yang melakukan *irsal* itu dipercayai dan *thiqah*. Ini adalah pandangan Malik, Abu Hanifah, Ahmad b. Hanbal, Ibn al-Qayyim, Ibn Kathir dan lain-lain.<sup>7</sup>

c) Majoriti ulama'<sup>8</sup> berpendapat bahawa hadith *Mursal* boleh dianggap sebagai hujah tetapi ia mesti memenuhi beberapa syarat. Mereka adalah seperti al-Shafi'i, al-Bayhaqi, al-Baghdadi dan seumpamanya.

### SIKAP AL-SHAFI'I TERHADAP HADITH MURSAL

Pandangan Imam al-Shafi'i terhadap hadith *Mursal* boleh digambarkan sebagai pandangan sederhana di antara dua pandangan yang ekstrem. Secara umumnya beliau tidak menerimanya atau menolaknya secara total. Tetapi di sana terdapat beberapa syarat yang perlu dipenuhi sebelum beliau menerimanya sebagai satu dalil atau hujah. Secara umumnya al-Shafi'i tidak menerima hadith *Mursal* sebagai hujah dalam perundangan sebagaimana yang digambarkan dalam *al-Risalah*. Ini dapat difahami bahawa dalam karya-karyanya, beliau amat menekankan kepentingan kesinambungan *isnad* sesebuah hadith dan kredibiliti perawi (adil dan dipercayai). Namun begitu, masih ada ruang hadith *Mursal* diterima beliau dengan beberapa prasyarat.

---

<sup>5</sup>Al-Khatib al-Baghdadi, *al-Kifayah fi 'Ilm al-Riwayah*. t.t. al-Madinah al-Munawwarah: al-Maktabah al-'Ilmiyyah, ms. 387.

<sup>6</sup>Ibn Hazm, *al-Ihkam*, vol. II. ms. 2-6; al-Nawawi, *Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawi*, vol.I., ms. 30; al-Sayrawan, *Pengenalan kepada Kitab al-Marasil*, ms. 26-7.

<sup>7</sup>Al-Amidi, *al-Ihkam*. Vol. II, ms. 349; Wahbah al-Zuhayli, *Usul al-Fiqh al-Islami*, vol. I. 1986. Dimasyq: Dar al-Fikr, ms.474; al-Khatib al-Baghdadi, *al-Kifayah*, ms. 384; al-Nawawi, *Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawi*. Vol. I, ms. 30; al-Sayrawan, dalam *Pengenalan kepada al-Marasil*, Abu Dawud, ms. 26-32.

<sup>8</sup>Al-Sayrawan, dalam *Pengenalan kepada al-Marasil*, Abu Dawud, ms. 32ff.

Berkenaan hadith *Mursal*, al-Shafi'i membahagikannya kepada dua jenis:

Pertama, hadith *Mursal* yang diriwayatkan oleh *kibar al-Tabi'in*.

Kedua, hadith *Mursal* yang diriwayatkan oleh *sighar al-Tabi'in*.<sup>9</sup>

### HADITH MURSAL RIWAYAT KIBAR AL-TABI'IN

Al-Shafi'i dalam *al-Risalah* membentangkan beberapa syarat sebelum sesebuah hadith *Mursal* yang diriwayatkan oleh *Kibar al-Tabi'in* diterima. Syarat-syarat tersebut ialah;

- a. Hadith *Mursal* tersebut disokong oleh hadith yang lebih dipercayai dengan sanadnya yang bersambung;<sup>10</sup>
- b. Terdapat hadith *Mursal* lain yang diriwayatkan oleh perawai lain daripada autoriti (*syekh*) lain yang bukannya autoriti perawi hadith *Mursal* pertama tadi;<sup>11</sup>
- c. Hadith tersebut disokong oleh pendapat para Sahabat (*Qawl al-Sahabah*);<sup>12</sup>
- d. Hadith *Mursal* tersebut diterima oleh ulama' dan sebahagian daripada mereka berpegang dengan hadith tersebut;<sup>13</sup>
- e. Ianya dikenalpasti bahawa perawi yang mempraktikkan *irsal* itu tidak meriwayatkannya dari orang yang tidak diterima periwayatannya (*da'if*).<sup>14</sup>

---

<sup>9</sup>Al-Shafi'i tidak menerima hadith *Mursal* dari *Sighar al-Tabi'in*. Lihat alasan beliau dalam *al-Risalah*, ms. 367.

<sup>10</sup>*Al-Risalah*, ms. 462.

<sup>11</sup>*Ibid.*

<sup>12</sup>*Ibid*, ms.463.

<sup>13</sup>*Ibid.*

<sup>14</sup>*Ibid.*

Mengikut al-Shafi'i, sekiranya salah satu syarat-syarat di atas dipenuhi oleh satu-satu hadith *Mursal*, ianya akan diterima dan boleh dijadikan hujah. Sebaliknya, apabila tidak satupun syarat-syarat di atas dipenuhi, ketika itu hadith *Mursal* itu tidak ada nilainya pada pandangan al-Shafi'i.

Syarat-syarat yang dikemukakan tadi ada signifikannya. Urutan susunan sebagaimana yang diatur oleh beliau menunjukkan darjah keautoritian sesebuah hadith *Mursal*. Sebagai contoh, hadith *Mursal* yang disokong oleh hadith yang *muttasil* (bersambung) adalah lebih baik daripada hadith-hadith *Mursal* lain.

Berkenaan dengan syarat pertama, setengah ulama' mengkritik cara pemakaiannya. Menurut mereka, apa yang menjadi hujah dalam kes di atas ialah hadith yang bersambung sanadnya yang menyokong hadith *Mursal* tersebut, bukannya hadith *Mursal* itu sendiri. Jadi menurut mereka, syarat pertama yang dikemukakan oleh al-Shafi'i itu tidak memberi erti apa-apa.

Untuk menunjukkan bagaimana al-Shafi'i mengaplikasikan syarat pertama tersebut, adalah elok di sini disebut sebuah hadith berkenaan dengan "*al-Yamin ma' al-Syahid*".<sup>15</sup> Selepas beliau mengemukakan autoriti *isnad* tersebut sepenuhnya, terdapat pandangan dari pihak lain yang mengatakan bahawa hadith yang dipakai oleh al-Shafi'i adalah hadith *Mursal*, yakni ia tidak boleh dijadikan hujah. Dalam mempertahankan kredibiliti hujah yang menggunakan hadith *al-yamin ma' al-syahid*, beliau mengatakan seandainya anggapan lawannya itu betul, yakni hadith tersebut hadith *Mursal*, tetapi beliau mengatakan bahawa di sana terdapat sebuah hadith yang bersambung sanad yang menyokong hadith *Mursal* tersebut.

## **PANDANGAN ULAMA' TERHADAP SIKAP AL-SHAFI'I KE ATAS HADITH MURSAL**

Selepas diterangkan apa yang telah al-Shafi'i nyatakan mengenai hadith *Mursal*, seseorang itu mungkin menimbulkan persoalan mengenai tanggapan al-Shafi'i terhadap hadith *Mursal*. Yakni, adakah ia menjadikan satu hujah atau dalil dalam menentukan hukum-hakam dalam Islam?

Dari penulisan-penulisan ulama', kita dapat simpulkan bahawa ulama' tidak mempunyai kata sepakat mengenai perkara di atas. Pandangan mereka mengenai perkara di atas boleh dibahagikan kepada tiga kategori;

---

<sup>15</sup>Al-Ghazali, *al-Umm*, vol. VII, ms. 7-8.

- a. Mereka percaya bahawa al-Shafi'i tidak menerima hadith *Mursal* dan ia tidak menjadi hujah atau dalil tanpa mengira samada ianya hadith *Mursal* yang diriwayatkan oleh *Kibar al-Tabi'in* atau *Sighar al-Tabi'in*.<sup>16</sup>
- b. Sebahagian ulama mengandaikan al-Shafi'i hanya menerima hadith *Mursal* yang diriwayatkan oleh Ibn al-Musayyib. Ini berdasarkan dari kenyataan dari al-Shafi'i iaitu, "*hadith Mursal Sa'id b. al-Musayyib adalah hadith Hasan mengikut pandangan kami*".<sup>17</sup>
- c. Sebahagian ulama' percaya bahawa al-Shafi'i tidak akan beramal dengan hadith *Mursal* kecuali ia diriwayatkan dari perawi-perawi yang boleh dipercayai seperti Ibn al-Musayyib<sup>18</sup> kerana hadith daripada beliau dianggap sebagai hadith dalam kategori yang bersambung (*musannad*) sanadnya. Atau paling kurang terdapat hadith lain yang menyokong hadith *Mursal* tersebut. Dalam kes di atas, gabungan di antara hadith *Mursal* dan hadith yang menyokongnya akan menjadi suatu hujah atau dalil.

Perbezaan pandangan terhadap persepsi al-Shafi'i terhadap hadith *Mursal* adalah disebabkan beberapa perkara atau istilah yang tidak jelas maksudnya atau boleh diinterpretasikan dalam banyak makna seperti ungkapan, "*kami lebih suka (ahabb) menerima hadith Mursalnya*" dan sebagainya.

---

<sup>16</sup>Al-Ghazali, *al-Mustasfa*, ms. 134 menyebut pandangan Abu Hanifah, Malik dan majoriti ulama' yang berpegang dengan hadith *Mursal*. Al-Nahrawi berpandangan bahawa al-Shafi'i tidak menerima hadith *Mursal* dan memakainya sebagai dalil atau hujah berdasarkan perkataan al-Shafi'i sendiri iaitu "*kami lebih suka (ahbabna)*". Lihat al-Nahrawi, *al-Imam al-Shafi'i*, ms. 368-9; al-Nawawi, *Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawi*, vol. I, ms. 30.

<sup>17</sup>Al-Nahrawi, *al-Imam al-Shafi'i*, ms. 366; Muhammad al-Khudari Bek, *Usul al-Fiqh*, ms. 299; Ibn Abi Hatim al-Razi, *Adab al-Shafi'i*, ms. 232; al-Shafi'i, *Mukhtasar al-Muzani* (bab *al-Riba*).

<sup>18</sup>Beliau menerima hadith *Mursal* Ibn al-Musayyib kerana kebiasaan Ibn al-Musayyib hanya meriwayatkan dari perawi yang *thiqah* atau dipercayai sahaja. Lihat Ibn Abi Hatim, *Adab al-Shafi'i*, ms. 232-3.

Pada pandangan penulis, al-Shafi'i sebenarnya menerima dan beramal dengan hadith *Mursal*. Kenyataan ini berdasarkan kepada beberapa sebab.

*Pertama*, adalah suatu perkara yang tidak bererti kalau beliau tidak menerima hadith *Mursal* sedangkan beliau telah mengemukakan prasyarat sebelum penerimaannya. Walaupun kita tahu bahawa beliau pada dasarnya menolak hadith *Mursal*, tetapi cara bagaimana ia membentang prasyarat tersebut membayangkan bahawa ia juga menerimanya.

*Kedua*, frasa "*kami lebih suka menerima hadith Mursalnya*" menunjukkan kecenderungan beliau menerima daripada menolaknya.

*Ketiga*, "*cross reference*" dari penulisan beliau menunjukkan bahawa terdapat beberapa contoh di mana beliau menggunakan hadith *Mursal* sebagai hujah atau pun sebagai hujah sokongan.<sup>19</sup>

*Keempat*, al-Shafi'i sendiri telah mengaku mengemukakan atau menggunakan beberapa kali hadith-hadith yang tidak bersambung sanadnya (*munqati'*). Namun begitu, ia tidaklah bermakna bahawa beliau meriwayatkan hadith *munqati'* kerana beliau mendakwa telah mendengar semua hadith tersebut dalam bentuk bersambung (*muttasil*) ataupun masyhur.<sup>20</sup> Al-Shafi'i cuba menjustifikasikan keadaan di atas dengan menyatakan yang beliau cuba mengelak dari menulis sesetengah hadith yang beliau tidak begitu hafal. Ini adalah disebabkan oleh kehilangan sebahagian dari buku-buku beliau.

## PENUTUP

Daripada perbincangan dan pemaparan di atas, dapat disimpulkan bahawa sikap dan pandangan Imam al-Shafi'i terhadap hadith *Mursal* tidak berapa jelas. Hal ini

---

<sup>19</sup>*Al-Risalah*, para. 1107, 295, 296.

<sup>20</sup>*Al-Risalah*, ms. 341.

menyebabkan para ulama' terbahagi kepada beberapa pandangan. Ada yang mengatakan beliau berhujah, beramal dan menerima keautoritian hadith *Mursal*. Manakala setengah yang lain mengatakan beliau tidak menerimanya. Hal ini disebabkan beberapa faktor sebagaimana yang telah disebutkan dalam perbincangan di atas.